



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA



PELUPUSAN ASET ALIH (PELAWAAN SEMULA)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
07000 Langkawi, Kedah.

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dalam bidang bekalan / perkhidmatan seperti berikut :

Bil.	Jenis Aset	Kuantiti	Gambar Aset	Harga Rizab Semasa
1.	Synthesiser / Casion / XW-G1	1		RM2,215.75
2.	Amplifier / Hiwatt 150W Combo / B3015	1		RM2,341.75

3.	Electronic Guitar / Ibanez	1		RM1,585.90
4.	Bass Guitar W / Bag / Hofner / HCT-GLXB	1		RM780.16
5.	Guitar Effect / Zoom / G1XFOUR	1		RM416.00

6.	Keyboard Stand / RCS / HY805	1		RM56.00
7.	Amplifier / Hiwatt 50W Combo / GC50CMR	1		RM1,060.00
Jumlah				RM 8,455.56

2. Aset boleh dilihat pada **31 JULAI 2025** hingga **14 OGOS 2025** di antara jam **09.00 pagi hingga 4.00 petang** di Pejabat MPLBP, Langkawi, Kedah.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat belakri dan di tanda No. Sebut harga **MPLBP/SBT/02/2025 - LUPUS** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada waktu seperti berikut:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan, Kuah,
07000 Langkawi, Kedah.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **14 OGOS 2025 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA ”

“ THE GREATER KEDAH ”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD. HAMRI BIN ABIDIN, AMK.,BCK.)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Langkawi

Bandaraya Pelancongan

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harta tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Cek, Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan pihak Majlis berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Pembeli boleh membuat tawaran ke atas semua atau sebahagian aset yang ditawarkan.
10. Pihak Majlis tidak terikat dengan sebarang tawaran sebut harga serta berhak untuk membuat keputusan menerima tawaran ke atas semua atau sebahagian tawaran dan berhak menawarkan kepada satu atau lebih pembeli.
11. Pegawai untuk dihubungi bagi sebarang pertanyaan hubungi Pn. Zuriah Binti Samsudin di talian 013-4811008.
12. Bayaran balik deposit (pembeli yang tidak berjaya) akan dikembalikan dalam tempoh dua minggu (14 hari) dari tarikh keputusan sebutharga dikeluarkan.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/ Jabatan.



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu / Syarikat :
No. Kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat :
No. Telefon :
Alamat :

Kepada :

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
07000 Kuah, Langkawi, Kedah.

Tuan,

Tawaran Untuk Sebutharga No. MPLBP/SBT/02/2025 - LUPUS

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut :-

Bil.	Jenis Aset	Kuantiti	Harga Tawaran
1.	Synthesiser / Casion / XW-G1	1	
2.	Amplifier / Hiwatt 150W Combo / B3015	1	

Bil.	Jenis Aset	Kuantiti	Harga Tawaran
3.	Electronic Guitar / Ibanez	1	
4.	Bass Guitar W / Bag / Hofner / HCT-GLXB	1	
5.	Guitar Effect / Zoom / G1XFOUR	1	
6.	Keyboard Stand / RCS / HY805	1	
7.	Amplifier / Hiwatt 50W Combo / GC50CMR	1	
Jumlah			

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai **RM**_____ (Ringgit Malaysia : _____) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank, No. _____ atas nama Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.
4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

No. Telefon :

Tarikh :

Nama/Cop Syarikat :